



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Naib Canselor UMK terima anugerah Darjah Pangkuan Seri Melaka \(D.P.S.M\)](#)

Naib Canselor UMK terima anugerah Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M)



YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, dikurniakan anugerah Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) yang membawa gelaran 'Datuk' daripada Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil bin Yaakob, sempena Hari Kelahiran beliau ke-74, di Dewan Sri Negeri Air Keroh, Melaka di sini, hari ini.

Prof. Datuk Dr. Raduan merupakan salah seorang daripada 240 penerima yang menerima darjah kebesaran pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Tauliah, Bintang Pingat Kebesaran Negeri Melaka. Anugerah D.P.S.M ini mula dikurniakan kepada orang peseorangan yang telah banyak berbakti dan berjasa kepada negeri Melaka.

Prof. Datuk Dr. Raduan mula dilantik sebagai Naib Canselor UMK pada 1 Januari 2012 bagi menggantikan YBhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed yang tamat perkhidmatan pada Disember 2011. Beliau merupakan anak kelahiran Alor Gajah, Melaka, dengan lulusan University of Leeds, United Kingdom dalam jurusan Human Resources Management/International Business dan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sejak Jun 2010.

Prof. Datuk Dr. Raduan merupakan antara peneraju utama yang mengasaskan penubuhan Majlis Profesor Negara (MPN) dan kini bertindak sebagai Setiausaha MPN sejak penubuhannya pada 1 April 2009. Selain itu, Prof. Datuk Dr. Raduan juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Khas kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Beliau mempunyai rekod dan pencapaian sebagai ahli dan pemimpin akademik yang sangat cemerlang.

Beliau banyak menjalankan penyelidikan di dalam bidang perhubungan perusahaan, pemindahan teknologi, pembangunan keusahawanan,

pengurusan sumber manusia dan strategi industri.

Beliau juga merupakan seorang penulis yang sangat prolifik sejak penglibatannya di Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM-UPM) dengan penghasilan lebih 150 artikel di dalam jurnal antarabangsa, kertas kerja dan prosiding serta 2 buah buku berteras penyelidikan.

Sepanjang kerjaya beliau telah berjaya menghasilkan seramai 32 pelajar peringkat Doktor Falsafah, 19 pelajar Masters Sains dan lebih 250 projek MBA di samping aktif menjadi pemeriksa luar serta penasihat kepada institusi pengajian tinggi didalam dan luar negara.

Di peringkat negara Prof. Datuk Dr. Raduan juga aktif menganggotai banyak Jawatankuasa di pelbagai kementerian.

Sehubungan itu, seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas diatas pengurniaan yang telah dianugerahkan kepada YBhg. Prof. Datuk.



Bilangan Pelawat :
297653

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.